



Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld11(10)  
Tarikh : 19 Mei 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **TAHAN BOT NELAYAN KELAS C, LANGGAR SYARAT SAH LESEN, KRU WARGA ASING TANPA DOKUMEN**

**TANJUNG MANIS, 19 Mei** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Manis telah menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C pada jarak lebih kurang lima batu nautika dari barat laut Kuala Paloh, Sarikei pada jam 5.40 petang semalam, kerana disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan kurang daripada had yang ditetapkan dalam buku lesen perikanan.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Manis, Komander Maritim Gilbert Tinggak Anak Numpang berkata, telah menerima aduan-aduan awam daripada komuniti maritim setempat berkenaan aktiviti penangkapan ikan di kawasan yang tidak dibenarkan oleh bot nelayan tempatan kelas C.

Tangkapan dibuat berikutan pengesanan oleh aset Maritim Malaysia semasa melaksanakan rondaan rutin di sekitar perairan Kuala Paloh, terdapat sebuah bot nelayan tempatan kelas C disyaki sedang menarik pukat pada jarak lebih kurang lima batu nautika Kuala Paloh, pada sekitar jam 5.00 petang.

Hasil pemeriksaan dan geledah mendapati bot terbabit disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan kurang daripada had yang ditetapkan dalam buku lesen perikanan, iaitu 10 batu nautika dari pantai perairan negeri Sarawak.

Bot tersebut dikendalikan tujuh kru termasuk tekong, berumur dalam lingkungan 34 tahun hingga 54 tahun.

Lima daripada kru adalah warga tempatan, manakala seorang dari dua orang kru warga Indonesia didapati telah gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri ketika diperiksa.

Kesemua kru, bot serta peralatan menangkap ikan ditahan dan diiring ke Jeti LKIM Tanjung Manis untuk siasatan lanjut.

Kes akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan kurang daripada had yang telah ditetapkan dalam buku lesen perikanan, dan Akta Imigresen 1959/ 63 kerana seorang kru warga asing telah gagal mengemukakan dokumen pengelanan diri yang sah ketika diperiksa penguat kuasa.

Maritim Malaysia sentiasa mengalu-alukan maklumat serta aduan daripada seluruh komuniti maritim untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan ataupun kemalangan di laut secara terus ke talian MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Tanjung Manis (084-613292) / Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak (082-432544) yang beroperasi 24 jam.

**Komander Maritim Gilbert Tinggak Anak Numpang**

**Pengarah Zon Maritim Tanjung Manis**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

-TAMAT-

---

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Alexcis Teo Nyelang

Tel : 013-8212024

Email : alexcis@mmea.gov.my